



PERBENDAHARAAN MALAYSIA

ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN INTEGRITI BILANGAN 1/2025

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT PERBENDAHARAAN MALAYSIA

UNIT INTEGRITI



PERBENDAHARAAN MALAYSIA

ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN INTEGRITI BILANGAN 1/2025

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT PERBENDAHARAAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Arahan Pentadbiran Dalaman Integriti ini dikeluarkan bagi tujuan aduan pendedahan kelakuan tidak wajar dan perlindungan pemberi maklumat oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010. Akta ini bertujuan untuk membanteras salah laku dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah, jenayah dan tatatertib. Ia juga boleh dilaksanakan oleh semua agensi yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. Akta ini turut melengkapkan kekurangan pada akta-akta lain dalam melindungi pemberi maklumat.

3. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Perbendaharaan Malaysia ini adalah tertakluk kepada akta, peraturan dan arahan semasa seperti berikut:

- a. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- b. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993; dan
- c. Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri bertarikh 21 Mac 2011.

PELAKSANAAN

4. Polisi ini adalah penting bagi menggalakkan mana-mana orang untuk tampil memberi maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di kalangan warga Perbendaharaan.

5. Polisi ini juga akan memberi jaminan kepada mana-mana orang bahawa terdapat perlindungan daripada Tindakan Yang Memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati "*good faith*". Tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan Kelakuan Tidak Wajar oleh mana-mana warga Perbendaharaan.

6. Polisi ini dirangka sebagai panduan dan rujukan kepada warga Perbendaharaan dan sebarang pindaan ke atas polisi ini adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Perbendaharaan Malaysia adalah seperti dilampirkan bersama-sama arahan pentadbiran ini.

TARIKH KUAT KUASA

7. Arahan Pentadbiran Dalam Integriti Bilangan 1/2025 berkaitan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Perbendaharaan Malaysia ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan dan ianya hendaklah dibaca bersekali dengan akta, peraturan dan arahan semasa yang telah dinyatakan di para 3.



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Tarikh: **24** Januari 2025

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan keizinan Allah SWT, Polisi Pemberi Maklumat Perbendaharaan Malaysia telah berjaya dihasilkan. Polisi ini dibangunkan bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan warga Perbendaharaan Malaysia dan pihak yang berurusan dengan Perbendaharaan Malaysia untuk menyalur dan mendedahkan maklumat kelakuan tidak wajar yang berlaku di Perbendaharaan Malaysia.

Polisi ini akan memberi pendedahan dan kefahaman kepada warga Perbendaharaan Malaysia dan pihak yang berurusan dengan Perbendaharaan Malaysia mengenai proses pengurusan aduan pendedahan kelakuan tidak wajar dan perlindungan pemberi maklumat oleh gensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan MOF dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti, tadbir urus yang telus dan amanah amat dititikberatkan. Pelaporan atau pendedahan awal perlakuan jenayah, rasuah atau perlakuan tidak wajar yang diperolehi akan membantu kementerian mengenalpasti ruang dan peluang berlakunya kelakuan tidak wajar. Tindakan ini dapat membantu Perbendaharaan Malaysia untuk mengambil tindakan serta langkah kawalan supaya masalah tersebut tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Oleh itu, saya berharap polisi ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pemberi maklumat untuk tampil dengan berani melaporkan apa jua perkara dan kelakuan tidak wajar kepada Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia sepertimana yang telah dinyatakan dalam polisi ini.

Sekian, terima kasih.



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan**

1. PENDAHULUAN

Polisi ini adalah berdasarkan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Polisi ini dirangka sebagai panduan kepada warga Perbendaharaan Malaysia dan pihak luar yang berurusan dengan warga Perbendaharaan Malaysia bagi pengurusan aduan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW).

Memandangkan Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia bukan merupakan agensi penguatkuasa seperti yang digariskan di dalam Akta 711 dan tidak mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah undang-undang bertulis, maka perlindungan kepada Pemberi Maklumat tidak boleh mengguna pakai peruntukan di bawah Akta 711.

Justeru, perlindungan Pemberi Maklumat di Perbendaharaan Malaysia akan mengikut ketetapan polisi ini.

2. TUJUAN

Tujuan polisi ini diwujudkan adalah untuk:

- a. menggalakkan dan memudahkan Pemberi Maklumat untuk membuat pendedahan KTW kepada Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia di samping memelihara kerahsiaan maklumat sulit;
- b. memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh tanggungjawab dan mengikut prosedur yang ditetapkan;
- c. melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindak balas akibat daripada pendedahan yang telah dibuat dengan niat suci hati (*good faith*);
- d. supaya tindakan sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan KTW oleh mana-mana warga Perbendaharaan Malaysia; dan
- e. memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga Perbendaharaan Malaysia terhadap undang-undang, kod etika, pekeliling dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga Perbendaharaan Malaysia. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga Perbendaharaan Malaysia.

4. TAFSIRAN

Dalam konteks Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini, perkataan di bawah membawa maksud seperti yang berikut:

Pemberi Maklumat

Ertinya mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar (termasuk warga Perbendaharaan Malaysia) kepada Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia atau agensi penguatkuasaan.

Kelakuan Tidak Wajar (KTW)

Ertinya merujuk kepada Akta 711, Kelakuan Tidak Wajar bermaksud:

“Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah”.

Kesalahan Tatatertib

Ertinya merujuk kepada Akta 711, Kesalahan Tatatertib bermaksud:

“Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Maklumat Sulit

Ertinya merujuk kepada Akta 711, Maklumat Sulit bermaksud:

- a. maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya :-
 - i. seseorang pemberi maklumat; dan

- ii. seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- b. maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- c. maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

Pegawai Diberi Kuasa

Ertinya mana-mana pegawai dari agensi penguatkuasaan yang ditempatkan di Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia.

Tindakan Yang Memudaratkan

Ertinya merujuk kepada Akta 711, Tindakan Yang Memudaratkan bermaksud:

- a. tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
- b. ugutan atau gangguan;
- c. gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
- d. suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan a hingga c.

Warga Perbendaharaan Malaysia

Ertinya pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Perbendaharaan Malaysia sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak, sambilan atau MySTEP termasuk lantikan politik. Warga Perbendaharaan Malaysia juga adalah termasuk Pengurusan Atasan.

Polisi

Ertinya Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Perbendaharaan Malaysia.

5. PERNYATAAN DASAR

Polisi ini hanya terpakai bagi pendedahan KTW oleh pemberi maklumat berdasarkan kepercayaan yang munasabah bahawa mana-mana warga Perbendaharaan Malaysia telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang.

Polisi ini tidak terpakai bagi pendedahan KTW yang melibatkan mana-mana warga Perbendaharaan Malaysia jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

6. TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia bertanggungjawab untuk menerima maklumat berkaitan KTW dan menguruskan laporan KTW.

Segala maklumat atau aduan ini akan diteliti dan tindakan lanjut akan diambil sewajarnya berdasarkan peruntukan kuasa sedia ada.

7. SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN

Aduan atau pendedahan mengenai perkara-perkara berkaitan penyelewengan, salah laku amalan-amalan yang tidak sah dari segi peraturan dan undang-undang boleh dilakukan oleh warga Perbendaharaan Malaysia/ Agensi di bawah Kementerian Kewangan, orang awam (termasuk pemegang taruh Perbendaharaan Malaysia) dan penjawat awam bukan warga Perbendaharaan Malaysia.

8. MAKLUMAT YANG BOLEH DIDEHAHKAN

Perkara yang boleh didedahkan adalah KTW yang melanggar undang-undang, pekeling atau peraturan seperti:

- a. Rasuah atau penipuan (*fraud*);
- b. Kesalahan jenayah;
- c. Salah guna wang, perolehan atau aset Perbendaharaan Malaysia;
- d. Kesalahan tatatertib;
- e. Kesalahan tadbir urus atau pengurusan dalam Perbendaharaan Malaysia yang melanggar undang-undang dan peraturan;
- f. Ketirisan kewangan dalam Perbendaharaan Malaysia;
- g. Kelakuan atau perbuatan yang mengancam keselamatan di Perbendaharaan Malaysia;
- h. Menyuruh, mengarah, mendorong atau menggugat seseorang dengan sengaja atau sedar supaya melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkuatkuasa; dan
- i. Lain-lain tindakan tidak wajar yang boleh menggugat dan merosakkan imej Perbendaharaan Malaysia.

9. BILA PENDEHAHAN DIBOLEHKAN

Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan sama ada secara lisan atau melalui dokumen pada bila-bila masa setelah Pemberi Maklumat yakin dan dengan niat suci hati (*good faith*) tanpa sikap prejudis serta tidak bersifat peribadi mendapati bahawa terdapat perlakuan tidak wajar dijangka berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku.

Sekiranya Pemberi Maklumat pernah atau sedang terlibat dalam kesalahan/salah laku bagi pendedahan yang akan dibuat oleh beliau, Pemberi Maklumat perlu membuat pendedahan dan pengakuan dengan sukarela dan Pemberi Maklumat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk dilindungi di bawah Polisi ini.

10. PENGURUSAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Kesalahan Tatatertib

Pemberi Maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan tatatertib akan diuruskan berdasarkan **Prosedur Pengurusan Aduan**.

Pegawai penyiasat yang terlibat dalam siasatan bertanggungjawab merahsiakan dan memberi perlindungan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas seperti mana yang tertakluk di dalam Arahan Keselamatan, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan peraturan semasa lain yang berkuatkuasa. Mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati membocorkan butiran aduan dan hasil siasatan kepada pihak ketiga.

Kesalahan Jenayah

Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan jenayah akan diuruskan berdasarkan polisi ini.

10.1 PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

10.1.1 Pendedahan Awal

Pemberi maklumat boleh memaklumkan kepada **Pegawai Diberi Kuasa di Unit Integriti, Perbendaharaan Malaysia** melalui kaedah berikut:

Telefon : 03-8890 6489 / 6436

E-mel : whistleblower@treasury.gov.my

Surat : Sub Unit Pengesanan/Pengesahan dan
Pengurusan Aduan

Unit Integriti

Kompleks Kementerian Kewangan

No.7, Aras 3, Blok Utara

Perbendaharaan 2, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Hadir sendiri berjumpa dengan pegawai yang diberi kuasa di Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia.

a. **Pendedahan Melalui E-mel**

Bagi pendedahan yang dibuat secara e-mel, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan hanya oleh Pegawai Yang Di Lantik.

Pendedahan KTW dibuat melalui e-mel, perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana untuk dihubungi.

b. **Pendedahan Melalui Surat/ Surat Layang**

Surat / Surat Layang yang tidak menyatakan maklumat yang jelas pemberi maklumat untuk dihubungi adalah tidak layak diberikan perlindungan di bawah polisi ini. Walau bagaimanapun, aduan tetap diterima dan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat yang disalurkan.

Kaedah/ proses pengendalian aduan secara bersemuka, e-mel dan Surat/ Surat Layang adalah berdasarkan **Prosedur Pengurusan Aduan dan Prosedur Pengesanan dan Pengesahan Perbendaharaan Malaysia**.

10.1.2. Tanggungjawab Pemberi Maklumat

Maklumat yang hendak diadukan mestilah lengkap, jelas dan mengandungi butir-butir berikut:

- a. Bila kejadian berlaku;
- b. Di mana KTW dilakukan;

- c. Siapa yang terlibat;
- d. Apakah KTW yang dilakukan;
- e. Kenapa KTW dilakukan;
- f. Bagaimana KTW dilakukan;
- g. Asas pertimbangan;
- h. Dokumen yang terlibat serta lain-lain yang berkaitan; dan
- i. Maklumat saksi (jika ada).

Pemberi maklumat mungkin akan diminta tampil secara bersemuka atau dihubungi (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut sekiranya pendedahan yang diberikan olehnya perlu disiasat dengan lebih lanjut.

Polisi ini tidak terpakai sekiranya pemberi maklumat sendiri mendedahkan maklumat yang diadukan kepada mana-mana individu.

10.1.3 Tanggungjawab Pegawai Diberi Kuasa

Sekiranya berlaku pendedahan KTW, Pegawai Diberi Kuasa perlu memaklumkan kepada Pemberi Maklumat berkaitan peruntukan undang-undang termasuk perlindungan di bawah Akta 711.

Pendedahan KTW boleh dibuat secara lisan atau bertulis dengan syarat bahawa Pegawai Diberi Kuasa, apabila menerima apa-apa pendedahan yang dibuat secara lisan, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mengubahnya ke dalam bentuk bertulis.

Pegawai Diberi Kuasa akan memudah cara pendedahan KTW dengan merujuk Pemberi Maklumat kepada Agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Siasatan serta permohonan

perlindungan akan diuruskan sepenuhnya oleh Agensi penguatkuasaan.

11. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

Pemberi Maklumat sewajarnya mengetahui dan memahami peruntukan di bawah Akta 711 seperti berikut:

a. Perlindungan Pemberi Maklumat di bawah Seksyen 7, Akta 711

Seseorang pemberi maklumat hendaklah, apabila pendedahan KTW diterima oleh mana-mana agensi penguatkuasaan, diberikan perlindungan pemberi maklumat seperti berikut:

- i. perlindungan maklumat sulit;
- ii. kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
- iii. perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan (TYM) (rujuk tafsiran “tindakan yang memudaratkan” di bawah Seksyen 2 Akta 711).

Perlindungan bagi perkara (iii) hendaklah diperluaskan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu termasuk Pegawai Diberi Kuasa di Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia yang telah menerima pendedahan KTW.

Perlindungan yang diberikan tidak terbatas atau terjejas sekiranya pendedahan KTW itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatatertib atau pendakwaan.

Penyiasatan KTW di bawah Seksyen 12, Akta 711 - Setiap Agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan KTW hendaklah menjalankan penyiasatannya sendiri.

Perlindungan Terhadap Tindakan Yang Memudaratkan di bawah Seksyen 10, Akta 711 - Seseorang pemberi maklumat boleh membuat aduan kepada

mana-mana agensi penguatkuasaan tentang apa-apa TYM yang dilakukan oleh mana-mana orang terhadap pemberi maklumat itu atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu. Penyiasatan Terhadap Aduan Tindakan Yang Memudaratkan di bawah Seksyen 14, Akta 711 - Sekiranya mana-mana Agensi penguatkuasaan menerima aduan TYM, Agensi penguatkuasaan itu hendaklah memulakan penyiasatan terhadap aduan TYM itu.

b. Remedi

Remedi di bawah Seksyen 15, Akta 711 - Apabila permintaan remedi dibuat oleh pemberi maklumat:

- i. dalam tempoh tiga bulan selepas dimaklumkan oleh Agensi penguatkuasaan bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW telah diambil terhadapnya; atau
- ii. pada bila-bila masa yang pemberi maklumat bimbang bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW akan diambil terhadapnya, Agensi penguatkuasaan boleh menuntut remedi yang berikut daripada mahkamah:
 - ganti rugi atau pampasan;
 - injunksi; atau
 - apa-apa relif lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

c. Pernyataan Palsu

Pernyataan Palsu di bawah Seksyen 21, Akta 711 Mana-mana orang yang dengan sengaja membuat dalam pendedahan KTW atau aduan TYM suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar melakukan suatu kesalahan.

d. Pembatalan

Pembatalan Perlindungan Pemberi Maklumat di bawah Seksyen 11, Akta 711 Perlindungan kepada pemberi maklumat akan terbatal sekiranya Agensi penguatkuasaan berpendapat, berdasarkan

penyiasatannya atau dalam perjalanan penyiasatannya bahawa:

- i. pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai KTW yang didedahkan itu;
- ii. pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam pendedahan KTW suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar;
- iii. pendedahan KTW itu adalah remeh atau menyusahkan;
- iv. pendedahan KTW mempersoalkan merit dasar kerajaan terutamanya, termasuk dasar sesuatu badan awam;
- v. pendedahan KTW dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain; atau
- vi. pemberi maklumat, dalam perjalanan membuat pendedahan KTW itu atau memberikan maklumat lanjut, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 711.

e. Ganjaran

Ganjaran di bawah Seksyen 26, Akta 711 - Agensi penguatkuasaan boleh memerintahkan apa-apa ganjaran yang difikirkannya patut untuk dibayar kepada pemberi maklumat bagi:

- i. apa-apa pendedahan KTW; atau
- ii. apa-apa aduan TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW, yang membawa kepada pengesanan kes KTW atau TYM atau pendakwaan orang yang terhadapnya pendedahan KTW itu dibuat atau orang yang melakukan TYM itu.

12. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Unit Integriti

Kompleks Kementerian Kewangan

No.7, Aras 3, Blok Utara

Perbendaharaan 2, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 PUTRAJAYA

Emel: integriti@mof.gov.my

13. PENUTUP

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat membuktikan Perbendaharaan Malaysia sentiasa komited, telus dan tidak akan berkompromi dengan sebarang perlakuan jenayah selain mencerminkan keterbukaan Perbendaharaan Malaysia dalam melaksanakan pendekatan "*No Wrong Door Policy*" bagi memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan pengurusan fiskal dan kewangan awam di Malaysia.

14. RUJUKAN

- a. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- b. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993.
- c. Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri bertarikh 21 Mac 2011.